

**Pengurusan kewangan
UPM diiktiraf**



PARA pelajar boleh berurus di kaunter bendahari di tingkat bawah atau melalui deposit tunai.



• Deposit Tunai / Cash Deposit
• Yuran Pengajian / Tuition Fee

PERUBAHAN masa telah menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) kini dikenali sebagai universiti penyelidikan terunggul di negara ini walaupun suatu ketika dahulu ia merupakan Kolej Pertanian pada tahun 1931.

Sejarah dengan itu, ramai siswazah terlatih dalam bidang pertanian telah dilahirkan bagi memenuhi aspirasi negara untuk membangunkan bidang pertanian yang merupakan entiti penting kepada sektor ekonomi negara.

Lebih membanggakan, UPM merupakan antara pelopor dalam menggunakan

sistem khidmat pelanggan melalui perbankan Internet, mesin deposit tunai dan *Electronic Fund Transfer*.

"Kebanyakan pelajar menggunakan perkhidmatan itu kerana ia mudah dan tidak menggunakan kertas. Ia juga boleh dilakukan setiap hari kerana beroperasi 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu," jelas Naib Cancellor UPM, Prof. Datuk Nik Mustapha R. Abdullah

Menurut beliau, sebagai universiti penyelidikan yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 16 November 2006, UPM perlu cemerlang dan unggul dari segi pengurusan kewangan.

Pengurusan kewangan yang efektif dan sistematis berteraskan kualiti telah membolehkan UPM meraih Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan bagi kategori Badan Berkamun sempena Anugerah Kualiti Sektor Awam 2007 baru-baru ini.

Bagi memastikan matlamat itu tercapai, UPM telah memperoleh Sijil Bersih daripada Jabatan Audit Negara selama tujuh tahun berturut-turut dalam pengauditan kewangan sejak tahun 2000.

Pada masa yang sama, UPM juga merupakan pengguna terbesar *Standard Accounting for Government Agency* (SAGA) mulai tahun 2003.

"Pada peringkat awal, SAGA mendatangkan beberapa masa-

lah, bagaimanapun setelah dibentuk semula, ia berfungsi dengan baik. Contohnya, kami boleh mengimbangkan akaun, menucup akaun atau mendapatkan laporan pada setiap masa dengan cepat dan tepat."

"Pada pendapat saya, sepatutnya semua agensi kerajaan kena pakai SAGA tetapi disebabkan oleh kekangan, ramai yang tidak berbuat demikian," katanya.

Menurut beliau, penggunaan SAGA amat penting kerana matlamat UPM hendak mengurangkan kerenah birokrasi. Tambahan pula, Pejabat Bendahari UPM telah memperoleh ISO 9001:2000 pada 3 Ogos lalu.

Ini akan mempermudahkan proses kerja dan penyampaian maklumat melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) contohnya sistem cuti belajar, maklumat pelajar dan *Student Accounting System* (SAS).

Di samping itu, UPM juga melaksanakan sistem-sistem sokongan untuk membantu memudahkan kerja-kerja pentadbiran contohnya sistem Docuflo, perakam waktu dan cuti secara atas talian, stok inventori, paparan cek, permohonan dan penilaian latihan staf.

"Ini menjelaskan bagaimana UPM boleh melayan 23,000 penuntut universiti, 6,000 (pascasiswa) dan 5,000 kakitangan melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan."

"Sebagai universiti penyelidikan yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 16 November 2006, UPM perlu cemerlang dan unggul dari segi pengurusan kewangan"



NIK Mustapha R. Abdullah menunjukkan piala dan sijil Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan 2007

Usaha-usaha meningkatkan kualiti pengurusan kewangan

- Persijilan ISO 9000 bagi keseluruhan proses pengurusan kewangan.
- Modul-modul pengurusan kewangan secara elektronik seperti e-Universiti (e-Borang), sistem pengurusan aset dan Mobile Cash Billing.
- Sistem SAGA secara aktif dan antara muka dengan sistem-sistem lain.
- Kaunter perkhidmatan secara inovatif melalui perkongsian pintar dengan bank komersial bagi mempelbagaikan kaedah dan saluran kutipan hasil termasuk mesin deposit tunai dan kios bayaran secara perkongsian strategik dengan CIMB.

“Dengan konsep bandar, pihak universiti mampu mengawal transaksi untuk 44,000 pengguna pada setiap masa. Jadi adalah baik, sekiranya ia dapat dijadikan model di universiti lain,” jelas beliau mengenai kelebihan mengaplikasikan sistem pengurusan kewangan yang sistematik.

Selain itu, katanya, sistem yang fleksibel itu juga memudahkan pihak universiti menyelesaikan masalah pelajar menerusi portal pelajar bagi setiap aduan atau pertanyaan yang diajukan secara dalam talian.

Menurut beliau, UPM turut memberi keutamaan kepada pengurusan aset dan inventori dengan menggunakan sistem *Fixed Asset Management System* (FAMS).

Melalui sistem tersebut, aset boleh dikesan melalui kod bar yang mengandungi maklumat seperti jenis, nilai, pengguna dan lokasi aset tersebut berada dengan lebih cepat.

“Dalam senario sekarang, perkara yang sewajarnya dibuat ialah, kita memerlukan persaingan sengit dari dalam dan luar negara jika ingin ke hadapan.

“Oleh itu, ICT boleh digunakan untuk membolehkan kerja dilakukan dengan lebih mudah apabila perkara yang membabitkan keputusan peperiksaan, aset dan pendafataran subjek dapat dilakukan secara dalam talian,” katanya.